

NAFKAH, PENJAGAAN ANAK DAN LAIN-LAIN

a
PERKAR SIVIL.

Kebanyakan perkara-perkara mengenai nafkah, penjagaan anak dan pembahagian harta sepencarian adalah diselesaikan dihadapan Kadi (sebagai Penulung Pendaftar Nikah dan Cerai), mengikut persetujuan bersama kedua-dua pihak sebelum penceraian dilakukan. Penyelesaian seperti ini adalah boleh dibuat dengan tolak ansur kedua-dua pihak tanpa mengikut hukum syarak.

1
NAFKAH:

Segala tuntutan nafkah hendaklah dibuat kepada Kadi. Tuntutan nafkah dinegeri Perlis boleh dibuat untuk bayaran nafkah kebelakangan juga dan tidak hanya terhad kepada nafkah untuk masa hadapan. Segala bayaran nafkah yang telah diputuskan hendaklah dibuat kepada pejabat Kadi. Orang-orang yang berhak menerima hendaklah pergi menuntut bayaran itu daripada pejabat Kadi. Dengan jelasnya Enakmen memperuntukkan bahawa Undang-undang Nafkah Perempuan Bersuami dan Kanak-Kanak tahun 1950 tidak dikenakan.² Tuntutan nafkah ini diuruskan oleh pihak Biro Bantuan Guaman pada hari Isnin dan Rabu. Isteri-isteri yang terlibat

¹ Untuk nafkah zahir sahaja.

² Enakmen, s. 46.

boleh membuat aduan kepejabat Biro Bantuan Guaman di Kangar. Pegawai-pegawai Biro ini akan membawa kes ini kemahkamah Kadi.

NAFKAH ISTERI

Semasa penceraian, isteri berhak menuntut tiga jenis nafkah. Pertamanya Mutaah³, keduanya Nafkah Edah dan ketiganya Nafkah bulanan sehingga ia berkahwin lain.⁴ Bayaran Mutaah seperti yang dibuat di Perlis adalah dibuat sekali gus dan jumlahnya tidak semestinya tidak boleh lebih daripada maskahwin.⁵ Nafkah edah dibayar untuk masa edah sahaja iaitu tiga bulan. Nafkah bulanan dibuat pada tiap-tiap bulan sehingga isteri kahwin lain, jika siisteri itu diceraikan tanpa sebab-sebab yang manasabah. Walau bagaimana pun, Kadi jarang menimbangkan sebab-sebab penceraian itu untuk memerintahkan sisuami membayar nafkah bulanan, kecuali jika siisteri melakukan kesalahan-kesalahan yang berat. Perintah nafkah bulanan ini boleh diberhentikan jika pihak perempuan berkelakuan tidak baik selepas mereka bercerai. Selalunya jumlah nafkah bulanan itu ialah lebih kurang \$30.00 tiap-tiap bulan.

Che Wan binti Che Ali v. Md. Nor bin Mahmud.⁶

Pihak menuntut diwakili oleh peguam dari Biro Bantuan Guaman. Pihak menjawab tidak hazir walaupun notis telah dihantar kepadanya.

³ Enakmen, s.94.

⁴ Ibid., s.104.

⁵ Setengah-setengah orang berpendapat Mutaah tidak boleh lebih daripada maskahwin. Di Perlis perkara ini tidak benar.

⁶ Dibicara di mahkamah Kadi pada 25.2.1976, no.6/76 KHE.

✓ Perbicaraannya dijalankan tanpa kehaziran suaminya. Suami bekerja sebagai penanam padi. Mereka mempunyai tiga orang anak berumur tujuh tahun (lelaki), 3 tahun (perempuan), dan 1 tahun lelaki. Ketiga-tiga orang anak itu tinggal bersama siisteri di rumah ibubapa isteri. Menurut siisteri, suaminya telah ceraikan dia kerana kerana suaminya hendak berkahwin lain. Tuntutan nafkah yang dibuat oleh isteri adalah seperti berikut:-

- a) Satu ratus ringgit untuk nafkah edah,
- b) Saguhati penceraian (*Mutsah*) sebanyak \$100.00, dan
- c) Nafkah bagi ketiga orang anak iaitu \$90.00 sebulan.

Kadi telah memutuskan seperti berikut:-

- a) Nafkah edah sebanyak \$100.00,
- b) Saguhati penceraian sebanyak \$100.00, dan
- c) Nafkah tiga orang anak sebanyak \$90.00 bermula dari

1.1.1976.

Catitan: Didalam kes di atas, pihak isteri tidak membuat tuntutan nafkah bulanan. Juga kita dapati bahawa nafkah untuk anak bermula dari masa kebelakangan.

Bagi sesorang yang diperintah membayar nafkah dan ianya bekerja sendiri, jika ia tidak membayar nafkah itu Mahkamah boleh menghukumnya dengan hukuman penjara.⁷

Disamping itu mahkamah Kadi selalu menggunakan Akta (Menguasakan Nafkah) Perempuan Bersuami dan Kanak-kanak 1968. Mahkamah bo-

⁷ Enakmen, s.108.

leh membuat suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga orang yang telah diperentahkan membayar nafkah.⁸ Jika sebab yang cukup tiada diberi dan jumlah wang yang kena dibayar dan terhutang dibawah perintah nafkah itu tidak dibayar, mahkamah boleh mendapatkannya dengan mengeluarkan suatu waran bagi menahan dan menjual harta yang dipunyai oleh pihak kena tuntut itu.⁹ Jika harta itu terletak diluar Perlis tetapi didalam Malaysia Barat, maka waran itu hendaklah disahkan oleh seorang Majistret Kelas Pertama yang mempunyai bidangkuasa dalam negeri dimana waran itu hendak dilaksanakan.¹⁰ Jika jumlah wang yang kena dibayar dan terhutang itu tidak boleh didapati dengan jalan tahanan dan jualan itu mahkamah boleh mengarahkan supaya pihak kena tuntut itu dipenjara selama tempuh yang tidak lebih daripada satu bulan bagi tiap-tiap kecuaian.¹¹ Saya berpendapat langkah memperjelaskan pihak kena tuntut ini tidak mendatangkan apa-apa faedah kepada pihak yang menuntut. Jika pihak yang kena tuntut itu dipenjarakan, maka pihak yang menuntut itu tidak akan memperolehi wang yang dituntut olehnya. Oleh yang demikian terdapat masaalah didalam usaha untuk memaksa perjalanan perintah nafkah bagi orang-orang yang bekerja sendiri.

⁸ Akta (menguatkuasa Nafkah) Perempuan Bersuami dan Kanak-Kanak 1968, s. 4(1).

⁹ Ibid., s. 13(3).

¹⁰ Ibid., s. 13(4).

¹¹ Ibid., s. 13(5).

Bagi orang-orang yang bekerja dengan badan-badan tertentu, maka masaalah ini boleh diatasi. Ini dibuat dengan Kadi mengeluarkan perintah kepada majikan pihak kena tuntut supaya memotong gaji pihak kena tuntut sebanyak yang ditetapkan dan membayarnya kepada pejabat Kadi. Didalam tinjauan saya, Kadi memang sentiasa mengamalkan perkara ini. Sesia-pa Majikan yang tidak mematuhi perintah ini boleh dipenjara selama tempoh tidak lebih daripada setahun atau denda sebanyak tidak lebih daripada \$1,000.00 atau kedua-duanya¹² sekali. Untuk menguatkuasakan perintah ini diluar negeri Perlis, ianya mestilah disahkan oleh Majistret Kelas Pertama dalam negeri dimana ianya hendak dilaksanakan.¹³

NAFKAH ANAK.

Sesaorang yang belum bernikah dan berumur dibawah 18 tahun atau mana-mana orang yang tidak berdaya dengan kerana keuzuran atau penyakit daripada mencari nafkah bagi dirinya sendiri boleh memohon nafkah.¹⁴ Selalunya nafkah seperti ini dituntut bersama-sama dengan nafkah isteri dan diwakili oleh peguam dari Biro Bantuan Guaman.¹⁵

Disamping itu, ada peruntukan yang membolehkan anak-anak diluar nikah membuat tuntutan nafkah kepada bapanya di Mahkamah Tengah. Peraturan ini adalah adil dan berpatutan kerana dengan demikian orang yang bertanggung-jawab diatas perbuatan itu akan dikenakan kewajipan keatas-

¹² Akta, op. cit. n. 8, m. 32, s. 12(1).

¹³ Ibid., s. 15(c).

¹⁴ Enakmen, s. 105.

¹⁵ Lihat kes Che Wan binti Che Ali v. Md. Nor bin Mohammad.

nya untuk menyara kanak-kanak yang tidak berdosa itu. Selalunya kanak-kanak itu tinggal bersama-sama ibunya, jadi dengan adanya peruntukan ini, iaanya akan mengurangkan kesusahan kepada pihak ibu. Didalam menentukan samada sesorang itu bapa kepada sorang kanak-kanak, maka fatwa dileluarkan oleh Jawatan Kuasa Syariah.

Satu perkara yang timbul mengenai nafkah ialah semasa penceraian isteri bersetuju untuk tidak menuntut segala nafkah (termasuk nafkah anak-anaknya). Setelah beberapa lama bercerai baharu dia hendak buat tuntutan nafkah. Disini (mengikut kes-kes yang telah diputuskan) Kadi tidak membenarkan pihak perempuan menuntut nafkahnya tetapi mungkin membenarkan tuntutan keatas nafkah anak mereka.

PENJAGAAN ANAK.

Undang-undang mengenai penjagaan anak bagi orang-orang Islam di Perlis adalah seperti berikut. Bagi kanak-kanak yang berumur dibawah tujuh tahun, hak penjagaannya adalah kepada siibunya.¹⁶ Jika kanak-kanak itu berumur lebih daripada tujuh tahun, maka kanak-kanak itu sendiri yang berhak memutuskan dengan siapa mereka hendak tinggal. Ini dilakukan oleh Kadi dengan memerintah kanak-kanak itu dibawa kepadanya dan dia akan menanya kanak-kanak itu dengan siapa mereka hendak tinggal. Oleh kerana mereka telah tinggal bersama dengan ibunya ketika mereka berumur dibawah tujuh tahun maka selalunya mereka memilih untuk tinggal bersama ibu

¹⁶ Lihat kes Che Wan binti Che Ali v. Md. Nor bin Mahmud.

mereka juga. Walaupun begitu, selalunya perkara mengenai penjagaan anak diselesaikan dihadapan Kadi sebelum penceraian dilakukan mengikut perstujuan kedua-dua pihak.

Munirah v. Arshad.¹⁷

Kadi memberitahu pihak-pihak berkenaan mengenai hak-hak dan tanggungan masing-masing. Pasangan ini mahu bercerai. Mereka mempunyai anak seramai tiga orang iaitu berumur tiga tahun, dua tahun dan lapan bulan. Kadi memberitahu mereka bahawa siibu berhak menjadi penjaga kepada kesemua anak-anak itu. Setelah berbincang beberapa ketika, siisteri kemudiannya bersetuju mengambil anak yang berumur lapan bulan sahaja tinggal bersama-sama. Dua orang anak lagi dibenarkan dipelihara oleh bapa mereka.

Jika mahkamah telah membuat keputusan bahawa kanak-kanak itu diberi hak penjagaannya kepada ibunya, maka sibapa hendaklah mematuhi akan perintah itu. Pernah terjadi didalam satu kes¹⁸ dimana sibapa telah mengambil anak dibawah jagaan ibu tanpa kebenaran dari mahkamah. Siibu telah mengadu perkara itu kepada Kadi. Kadi telah memberi amaran kepada sibapa bahawa jika ia tidak memulangkan anak itu kepada ibunya dengan segera, dia boleh dihukum kerana mengeji mahkamah.¹⁹

¹⁷ Diselesaikan di hadapan Kadi.

¹⁸ Salwa binti Abdullah v. Abdul Malek, dibicarakan pada 5.4.76, No.22/76KHB.

¹⁹ Enakmen, s.130.

Hak penjagaan itu akan dibatalkan oleh mahkamah jika pihak yang satu lagi boleh membuktikan kepada Kadi bahawa kanak-kanak itu tidak dijaga dengan sempurna, umpamanya tidak memberi pelajaran yang sempurna atau selalu dianiyai oleh pihak yang diberi penjagaan. Jika hak penjagaan diberi kepada ibu dan ibu itu berkahwin lain, perkahwinan itu tidak akan membatalkan hak penjagaan itu dengan serta merta, walaupun si ibu berkahwin dengan orang yang bukan saudara kepada kanak-kanak itu. Hak penjagaan itu akan hanya boleh dibatalkan jika pihak sibapa dapat membuktikan kepada Kadi bahawa kanak-kanak itu tidak dijaga dengan baik selepas perkahwinan itu atau bapa tirinya tidak mahu memelihara kanak-kanak itu.

Satu kesimpulan yang boleh dibuat mengenai undang-undang penjagaan anak di Perlis ialah perkara yang dipentingkan ialah kebijakan kanak-kanak itu. Oleh itu keputusan yang dibuat oleh Abdul Hamid J.²⁰, didalam kes Myriam v. Mohamed Ariff, yang mengatakan bahawa di bawah undang-undang Inggeris dan juga undang-undang Islam, perkara yang di-pertimbangkan dan yang dipentingkan ialah kebijakan kanak-kanak itu adalah benar.

²⁰ Myriam v. Mohamed Ariff [1971] 1 M.L.J. 265.

Menurut Adat Temenggong harta yang diperolehi semasa perkahwinan pada amnya disebutkan dengan nama harta sepencarian. Ada yang mengistiharkan harta sepencarian ini dengan istilah "harta Syarikat" yang dikenal dalam Hukum Syarak, tetapi ini adalah salah kerana pengertian harta syarikat tidak sama dengan pengertian harta sepencarian dalam Hukum Adat.²² Lazimnya harta sepencarian ini berkaitan dengan tanah. Pada umumnya di seluruh Negeri Tanah Melayu telah ditentukan bahawa seorang isteri yang diceraikan berhak mendapat bahagian dalam harta dan pembahagian itu, jika siisteri betul-betul turut serta membuka tanah, seperdua dan dalam hal-hal yang lain sepertiga.²³ Pembahagian tersebut didasarkan atas Hukum Adat dan bukannya Hukum Syarak, iaitu atas harta sepencarian.²⁴ Dalam masaalah harta sepencarian adalah semata-mata masaalah adat dan oleh kerana itu baik pengertiannya mahu pun pembahagiannya haruslah menurut Hukum Adat.²⁵

Kes-kes mengenai harta sepencarian jarang-jarang sekali timbul di mahkamah. Ini adalah disebabkan semua pasangan yang hendak bercerai

²¹ Enakmen, s.94.

²² Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 1975, m.s. 169.

²³ Ibid., m.s. 170.

²⁴ Ibid., m.s. 171.

²⁵ Ibid., m.s. 171

dikehendaki mengisi borang "U"²⁶, dimana pihak-pihak yang berkenaan hendaklah menyatakan apakah harta benda yang akan diserahkan kepada pihak yang satu lagi secara tolak ansur. Sebelum itu Kadi memberitahu mereka bahawa harta sepencarian hendaklah dibahagi dua.

Kes yang mungkin timbul dari persetujuan ini ialah setelah mereka setuju memberi dan menerima bahagian-bahagian mereka, sisuami misalnya selepas itu tidak memberi barang-barang itu kepada isterinya. Isteri datang memberitahu perkara itu kepada Kadi. Kadi akan perintah pihak lelaki yang berkenaan berjumpa dengannya. Dia akan "menasihati" lelaki itu supaya memberi barang-barang itu kepada bekas isterinya. Jikalau pihak suami enggan juga (selalunya tidak) pihak perempuan hendaklah membuat tuntutan di mahkamah.

PERINTAH TAAT.

Sesaorang isteri yang ditinggalkan oleh suaminya boleh menggunakan kuasa taklik yang dipersetujui. Sebaliknya, sesaorang suami yang ditinggalkan oleh isterinya boleh membuat tuntutan di mahkamah supaya isterinya taat semula kepadanya. Kadi jika berpuashati atas tuntutan itu akan memerintah supaya isteri taat semula kepada suaminya.

ARIFFIN BIN SAAD v. BUNGA BINTI MAHMUD.²⁷

Isteri telah meninggalkan suami dan balik duduk bersama ibunya. Alasan yang diberi ialah ibunya sedang sakit dan tiada orang yang hendak

²⁶ Lihat, m.s. 78

²⁷ Dibicarakan di mahkamah oleh Kadi pada 19.4.76, n. 30/76 KHE.

menjaganya. Suami pula tidak mahu tinggal bersama ibu mertuanya kerana tidak ada persafahaman diantara mereka berdua. Kadi telah memutuskan baha-wa isteri patut taat semula kepada suaminya. Siisteri diberi tempuh empat belas hari untuk mematuhi perintah itu.
